

04/09/2001

Pengerusi negeri ambil alih ketua bahagian

KUALA LUMPUR, Isnin - Pengerusi Perhubungan Umno negeri akan mengambil alih jawatan ketua bahagian yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin, sementara rayuan mereka diteliti oleh sebuah sekretariat bebas.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Majlis Tertinggi (MT) memutuskan keputusannya sebelum ini bahawa calon yang tewas secara automatik mengambil alih jawatan itu, dibatalkan serta-merta.

"Keputusan lama yang mana kita ganti pihak yang kalah untuk menjadi ketua bahagian terpaksa dibatalkan kerana ada rayuan. Kita sudah memutuskan bahawa mereka yang sudah membuat rayuan, kita akan dengar rayuan mereka.

"Sementara itu, kalau dia pegang jawatan sebagai ketua bahagian umpamanya, jawatan itu kita putuskan untuk dipegang oleh Ketua Perhubungan Umno (negeri).

"Ini bermakna bahawa keputusan yang lama, yang mana kita melantik pihak yang kalah menjadi ketua bahagian terpaksa dibatalkan, kerana ada rayuan ini.

"Sebab itu kita nak supaya ketua perhubungan (negeri) akan mengurus urusan bahagian (berkenaan) sehinggalah rayuan mereka dapat diputuskan. Selepas itu kita akan ambil tindakan lain," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama kira-kira tiga jam setengah di sini, hari ini.

Sebelum ini, 21 pemimpin Umno termasuk seorang ahli MT dan tujuh ketua bahagian didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin parti itu, kerana terbabit dengan amalan politik wang dan salah guna kuasa ketika pemilihan peringkat bahagian, April lalu.

Ketua bahagian itu ialah Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi (Bukit Bintang), Datuk Kamaruddin Mohd Nor (Pasir Puteh), Mustafa Kamal Mohd Nawi (Gopeng), Datuk Zainol Mohd Isa (Baling), Datuk Abdullah Omar (Muar), Datuk Yahaya Lampong (Tanjung Aru) dan Abdul Malek Munip (Muar).

Mengenai kedudukan Abdul Azim dalam MT, Dr Mahathir berkata Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) itu masih mengekalkan jawatannya (dalam MT) kerana keputusan rayuannya belum diputuskan.

Sementara itu, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sekretariat bebas akan mendengar rayuan semua mereka terbabit, jika mereka mengemukakan rayuan.

"Sekretariat ini setelah menimbangkan semua kes itu, akan membuat cadangan-cadangan tertentu kepada MT sebab MT (bertindak) sebagai Lembaga Rayuan.

"Pada waktu ini belum lagi dikemukakan kes-kes itu kepada MT kerana banyak kes yang sedang dalam pertimbangan oleh sekretariat ini. Sekarang sudah ada rayuan diterima," katanya.

Mesyuarat MT pada 27 Julai lalu menubuhkan sebuah sekretariat bebas diketuai Datuk Mohd Zuki Kamaruddin bagi meneliti rayuan ahli Umno berkaitan tindakan disiplin yang dikenakan terhadap mereka Lembaga Disiplin Umno.

Sekretariat itu akan menghalusi setiap rayuan yang diterima dan jika ada asas, rayuan akan dikemukakan kepada MT untuk keputusan muktamad.

(END)